

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 15 Jun 2016 16:36
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DISCOVER UUM MENYAPA HATI PROF. DR. ANJUM SAUDI ARABIA



15 JUN 2016 / 10 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

DISCOVER UUM MENYAPA HATI PROF. DR. ANJUM SAUDI ARABIA



ANJUNG TAMU ONLINE: Menjadi tempat tarikan tetamu dan pelancong ke UUM, Welcome Centre sekali lagi mengukir memori pada hari ulangtahunnya ke 2 apabila tetamu dari jauh tiba dengan gaya dan senyuman yang memberi inspirasi kepada semua di bulan Ramadan Al-Mubarak.

Kenali Professor of Economics & Finance, Head, Department of Accounting, College of Business Administration, Prince Sattam Bin Abdulaziz University, Saudi Arabia, Prof. Dr. Anjum Siddiqui banyak melontar maklum balas mengenai UUM yang pada pandangannya begitu unik sekali. Bunga rasmi universiti, Bougainvillea antara yang disukai oleh beliau.

Kata beliau, "It's a truly memorable experience to visit the Green Campus of UUM".

"There is no campus like UUM and it is truly unique".

"UUM is rich in history and geographical surroundings".

Beliau yang sangat 'sporting' telah diiringi oleh Timbalan Dekan, School of Economics Finance and Banking (SEFB), Assoc. Prof. Dr. Sallahuddin Hassan, Ketua Jabatan Ekonomi dan Perniagaan Tani, Dr. Shamzaeffa Samsudin, Ketua Jabatan Kewangan, Dr. Zaemah Zainuddin dan Penyelaras Program Pasca Siswazah, Dr. Bakti Hasan Basri ke Welcome Centre bagi memperkenalkan kampus di rimba hijau.

Laman Padi yang mempromosikan sektor pelancongan Negeri Kedah sebagai negeri jelapang padi turut dilawati beliau yang ternyata berminat untuk mengetahui asal usul padi. Terdahulu, sejarah Sintok dan tempat menarik di UUM telah berjaya memikat hati beliau yang terus menyatakan hasratnya untuk melawat Taman Rusa.

Selain itu, beliau turut mengabadikan kenangan semasa di Welcome Centre dengan membawa pulang cenderamata dari Gift Shop.

"The internationalisation strategy of UUM is the starting point where a truly global university can be developed".

"I am very happy to visit UUM from Prince Sattam Bin Abdul Aziz University, Saudi Arabia".

"Our university would be interested in embarking on scholarly exchange of faculty for the mutual benefits of both universities". Katanya mengakhiri lawatan di Welcome Centre.

Beliau kemudiannya dibawa melawat sekitar kampus dengan menaiki trem, sebelum itu sempat beliau berkata,

"A unique and attractive university!".

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

